

Ilmu reka bentuk tetap berguna dalam kerjaya bina badan



KEMAHIRAN TETAP BERGUNA: Walaupun tidak bekerja dalam bidang reka bentuk, Encik Kasbani Kasmon berkata beliau masih dapat menggunakan kemahiran yang diraihinya semasa belajar di universiti dahulu dalam bidang kerjayanya kini. – Foto BM oleh M.O. SALLEH

yang turut dimiliki dua adiknya serta datuk dan bapa saudaranya.

Selepas tamat pengajian di sekolah menengah, Encik Kasbani melanjutkan pengajian peringkat diploma di Sekolah Reka Ben-

tuk First Media dalam bidang reka bentuk grafik yang menelan belanja sekitar \$12,000.

Selesai menjalani Perkhidmatan Negara (NS), beliau meneruskan pengajian di Uni-

versiti RMIT-SIM Global Education dalam jurusan reka bentuk (reka bentuk komunikasi) yang yurannya sekitar \$25,000.

Semasa memburu diploma dan ijazah sarjana muda, Encik Kasbani bekerja sambilan

BERPULUH ribu dolar telah dibelanjakan Encik Kasbani Kasmon bagi membiayai pengajian peringkat diploma dan ijazah dalam jurusan reka bentuk.

Namun akhirnya, apabila melangkah ke alam pekerjaan, beliau memilih tugas yang langsung tiada kena-mengena dengan bidang pengajiannya.

Anak muda berusia 28 tahun itu bagaimanapun tidak menyesali keputusannya bekerja sebagai pramugara dan kemudian sebagai pemilik bersama dua cawangan gimnasium 24 jam Anytime Fitness.

Ditemui baru-baru ini, Encik Kasbani berkata kemahirannya dalam bidang reka bentuk tetap dapat dimanfaatkan di kedua tempat kerja itu dan ini menjadikannya seorang yang serba boleh dan berbilang bakat.

Contohnya, ketika berkhidmat bersama syarikat Singapore Airlines (SIA), beliau membantu menghasilkan buku panduan bagi anak kapal menggunakan kemahirannya dalam reka bentuk grafik.

Di Anytime Fitness, beliau menghasilkan pula bahan pemasaran seperti poster dan brosur, juga risalah dan video panduan senaman buat anggota gimnasium.

“Kemahiran reka bentuk yang saya raih ketika menuntut dahulu masih dapat saya gunakan. Ia tidak terbuang kerana saya bagus dalam bidang ini. Malah semasa kali pertama bertemu rakan kongsi bagi gim pertama saya, saya membuat penyampaian tentang rancangan saya bagi gim ini dengan menggunakan reka bentuk visual. Mereka kagum dan tertarik dengan penyampaian saya. Saya mampu lakukannya kerana saya mengikuti jurusan reka bentuk dahulu,” kata Encik Kasbani.

Sebenarnya, cita-cita asalnya ialah menjadi pereka bentuk dan membuka syarikat reka bentuk sendiri.

Beliau minat melukis sejak kecil – bakat

sebagai pereka bentuk pemasaran dan pada masa sama, minat bina badan mula berkembang.

Antara 2009 dengan 2015, beliau antara lain menjuarai Pencarian Model Cergas Asia dan Singapura, mengambil bahagian dalam pelbagai peraduan *pageant* seperti Mister Singapore dan Manhunt Singapore, serta merupakan model cergas bagi majalah di Singapura, Malaysia dan Indonesia.

“Minat ini berterusan sehingga semasa saya bekerja sebagai pramugara. Saya rasa agak keliru pada waktu itu kerana saya minat sangat dengan bidang kecergasan.

“Sebenarnya, saya mahu bekerja dalam industri reka bentuk dan mendaki tangga kerjaya. Tapi saya tahu sebagai pereka bentuk, ada kala saya perlu bekerja dari Isnin hingga Ahad dan saya akan perlu melepaskan minat bina badan saya,” kata Encik Kasbani yang sudah berumah tangga.

Dua tahun lalu, beliau diberi peluang menjadi pengurus kelab di gim Anytime Fitness di Choa Chu Kang dan tahun lalu beliau menjadi pemilik bersama dan pengarah operasi cawangan itu.

Beliau kini juga pemilik bersama cawangan Anytime Fitness di Yishun South – Wisteria Mall.

“Reka bentuk dan kecergasan, saya suka kedudukannya. Jika satu hari saya dapati bidang kecergasan tidak lagi sesuai buat saya, saya masih tetap ada kemahiran reka bentuk. Jika saya tidak lagi mengendalikan gim, saya boleh kembali kepada industri reka bentuk.

“Bagi saya, saya perlu selalu menimba kemahiran baru kerana saya tidak tahu bagaimana masa depan saya. Mungkin satu hari nanti saya perlukan kemahiran itu.

“Selain itu, diploma atau ijazah akan membuka peluang kepada kita tapi apa yang penting juga ialah kerajinan, tingkah laku dan kepintaran kita,” kata Encik Kasbani yang turut menawarkan khidmat latihan peribadi.